

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sudahkah kerajaan membuat keputusan untuk memansuhkan penggunaan Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan jika benar bagaimana mengawal pemandu-pemandu warga asing yang mendaftar dengan Uber dan GrabCar.

JAWAPAN: YB DATUK HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, setiap pemandu teksi perlu mendapatkan Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) untuk menjadi pemandu perkhidmatan kelas lesen teksi.
2. Namun, terdapat cadangan agar proses menjadi pemandu teksi dipermudahkan dengan menyelaraskan pengeluaran Kad Pemandu atau pengeluaran lesen vokasional dengan satu pihak atau pada satu peringkat sahaja. Cadangan ini sedang diteliti dan diperhalusi bersama oleh agensi-agensi berkenaan, termasuklah JPJ dan S.P.A.D.
3. Sementara itu, undang-undang pada masa ini tidak membenarkan bukan warganegara Malaysia untuk menjadi pemandu teksi. Seperti mana yang telah diumumkan, polisi untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* akan dilaksanakan melalui pindaan akta-akta yang berkaitan. Walau bagaimanapun, syarat-syarat sedia ada yang hanya membenarkan warganegara Malaysia untuk menjadi pemandu perkhidmatan kelas lesen teksi akan dikekalkan dan wajib dipatuhi oleh penyedia aplikasi perkhidmatan *e-hailing*.

Sekian, terima kasih.